

AHLI KESUWA
ketika Program
Komuniti dan
Belia V2.

KESUWA
ditubuhkan
bagi
menggalakkan
penuntut
aktif dalam
program
sukarelawan



Hazril Md Nor
Gen.y@hmetro.com.my

Selain menumpukan perhatian terhadap pengajian, penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut aktif membabitkan diri dalam aktiviti kokurikulum.

Penuntut universiti itu berpeluang menyertai pelbagai program dan aktiviti kelolaan Kelab Sukarelawan (KESUWA) UMS bagi melahirkan graduan yang cintakan aktiviti sukarelawan dan tinggi kemahiran insaniah.

KESUWA yang ditubuhkan pada 2016 menggalakkan keahlian untuk semua penuntut fakulti dan mendapat sokongan kewangan daripada pihak universiti.

Penggal ini, KESUWA diterajui presidennya, pelajar tahun tiga, Azizul Adzim dan timbalannya, Nur Hidayah Syamsuddin serta dibimbing pegawai penyelarasan kelab sukarelawan siswa UMS, Mohd Alwi Osman.

Menurut Nur Hidayah, pelbagai program dan aktiviti dianjurkan kelab itu yang fokus pada khidmat masyarakat dan

pertukaran budaya.

Program terbaru anjuran KESUWA adalah khidmat masyarakat di beberapa kampung di daerah Tenom dan Beaufort pada 5 Mei hingga 7 Mei lalu.

Ia membabitkan kerjasama pelbagai pihak antaranya Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) UMS, majlis perwakilan pelajar, jabatan pertanian, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Maybank dan Kolej Komuniti Beaufort.

"Program Belia dan Komuniti V.2 itu membabitkan penyertaan 120 penuntut tahun pertama dan kedua UMS serta tiga kluster iaitu kluster komuniti, kluster pendidikan dan kluster kesihatan.

"Di samping mendekati penuntut dengan komuniti, mereka juga turut membantu membaik pulih infrastruktur yang ada di kampung itu," katanya.

Selain itu, program ini menyediakan pendidikan untuk kanak-kanak kampung itu dengan fokus pada subjek pendidikan asas.

"Terdapat sesi pembelajaran yang menekankan mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris. Kanak-kanak juga didedahkan dengan pengenalan asas kepada komputer," katanya.

Nur Hidayah berkata, penuntut UMS yang bukan dari Sabah dan

Sarawak berpeluang melihat dan menghayati budaya masyarakat di Sabah melalui program ini.

"Pada sebelah malam, mereka dapat saksikan persembahan tarian etnik Murut yang dipersembahkan kanak-kanak dan penduduk kampung.

"Mereka juga belajar memasak makanan tradisi etnik Murut seperti Linopot. Secara tidak langsung mereka didedahkan dengan adat dan tradisi penduduk kampung berkenaan," katanya.

Kata Nur Hidayah, KESUWA turut mendorong ahlinya aktif dalam aktiviti sukarelawan yang dianjurkan YSS dan Raleigh International.

"Baru-baru ini panel daripada YSS dan Raleigh International dijemput untuk program Volunterism Talk dan mereka berkongsi dengan penuntut mengenai ekspedisi dan program yang dianjurkan.

"Raleigh International fokus pada kawasan pedalaman Sabah untuk membantu masyarakat dengan kemudahan air bersih dan memulihara hutan hujan serta flora dan fauna.

"YSS pula menyediakan misi ke negara ASEAN seperti Vietnam contohnya iaitu peserta berpeluang menyelami kehidupan masyarakat di sana dengan menetap bersama komuniti setempat," katanya.

Lebih menarik, alumni daripada YSS turut mengaplikasikan pengalaman mereka untuk digunakan



SUKARELAWAN mengecat pagar sekolah.

sukarelawan dalam program anjuran KESUWA.

"Antara perkara yang dikongsi adalah pembelajaran teknologi maklumat dan motivasi, pemeriksaan kesihatan selain melakukan khidmat masyarakat seperti membina dan menaik taraf kemudahan awam, rumah, sekolah, memperbaiki jalan kampung dan memenuhi keperluan penduduk setempat," katanya.